

Jika kita teliti perkataan BIDUK di dalam peribahasa-peribahasa seperti;

- Biduk kalau tidak berkemudi, bagaimana ia akan laju.
- Biduk satu nakhoda dua.
- Seperti biduk dikayuh hilir.
- Tiada biduk karam sebelah, dan lain-lain lagi

jelas memberikan pengertian bahawa biduk ialah sejenis kenaikan di air atau dengan kata lain bermaksud sejenis perahu. Hal ini terbukti adanya perkataan-perkataan seperti kemudia, nakhoda, kayuh dan karam yang menjadi iringan bagi objek biduk dalam peribahasa-peribahasa tersebut. Biasanya biduk digunakan untuk menangkap ikan atau mengangkut barang di sungai. Perhatikan ayat contoh berikut:

1. Setelah memunggah barang-barang dari **biduknya**, Pak Ali menyuruh anak-anak buahnya berehat.
2. **Biduknya** karam tidak jauh dari tambatan itu kerana kebocoran.

Kata bentukan berbiduk pula bermaksud menaiki biduk atau bersampan. Ayat contoh:

3. Penghulu dan dua orang anak buahnya **berbiduk** sewaktu memburu buaya yang ganas di sungai itu.

BEDUK bermaksud sejenis tabuh atau sejenis gendang besar yang dipakai di surau atau di masjid. Ayat contoh:

4. **Beduk** itu dipukulnya bertalu-talu bagi menandakan waktu maghrib telah tiba. Pihak Jawatankuasa
5. Pentadbir Masjid telah memutuskan untuk menggantungkan **beduk** yang diwakafkan oleh Encik Ali itu di tingkat kedua menara masjid tersebut

Demikianlah maksud perkataan beduk dan biduk. Akhir kata perhatikan ayat berikut dan isikan tempat kosong dengan perkataan biduk atau beduk.

Sebelum muazin itu melaungkan azan, dia telah memalu ..... itu.